

Kronologi Representasi Wanita Dalam Catan Di Malaysia: Dari 1930 Hingga 2020

Chronology of Women Representation in Malaysian Painting: from 1930 to 2020

*Nurul Syifa @ Siti Aishah Ahmarofi¹, Elis Syuhaila Mokhtar², Issarezal Ismail³,
Ida Puteri Mahsan⁴

^{1,2,4}Fakulti Seni, Komputeran, dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak,
Malaysia.

³Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri
Iskandar, Perak, Malaysia.

Institutional e-mail: *syifaaishah@gmail.com¹, elis.mokhtar@fskik.upsi.edu.my²,
issarezal@uitm.edu.my³, idaputeri@fskik.upsi.edu.my⁴

*Corresponding author

Received: 30 June 2022, Accepted: 5 July 2022, Published: 1 September 2022

ABSTRAK

Melalui figura wanita, pelbagai peranan, situasi, identiti budaya, aspek sosial dan ekonomi digambarkan selain mempersembahkan estetika yang dimiliki wanita. Keterlibatan wanita dalam pelbagai situasi dan karakter adalah penting bagi mengetahui ciri, tugas dan tanggungjawab mereka. Walau bagaimanapun, kajian terhadap penggunaan wanita dalam catan tempatan masih terhad. Justeru, kajian ini memfokuskan kronologi secara umum penggunaan figura wanita dalam catan di Malaysia melalui kajian visual oleh pelukis terdahulu dan terkini. Melalui analisis ini, penggunaan figura wanita dalam catan tempatan dapat diketahui dan seterusnya menyumbang kepada proses pendokumentasian secara tersusun disamping mempelajari nilai budaya, jati diri dan khazanah negara.

Kata Kunci: *Kronologi catan Malaysia, Representasi wanita, Catan, Seni*

ABSTRACT

Through the figure of women, various roles, situations, cultural identities, social and economic aspects are depicted in addition to presenting the aesthetics of women. The involvement of women in various situations and characters is important to know their characteristics, duties and responsibilities. However, studies on the women representation in local painting are still limited. Thus, this study focuses on the general chronology of the use of female figures in painting in Malaysia through a visual study by previous and recent painters. Through this analysis, the use of female figures in local paintings can be known and further contribute to the documentation process in an organized manner in addition to learning cultural values, identity and national treasures.

Keywords: *Chronology of Malaysian painting, Women representation, Painting, Visual Art*



eISSN: 2550-214X © 2022. The Authors. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah ‘representasi’ adalah perkataan asal dari Bahasa Inggeris ditafsirkan sebagai perlambangan, melambangkan, gambaran, wakil, pernyataan, perihal atau berkenaan (DBP, 2017). Umumnya wanita direpresentasikan dalam karya sepanjang masa pada semua budaya merujuk kepada keindahan fizikal (Lippit, 2020; Jungmann, 2018). Walau bagaimanapun, wanita mewakili pelbagai situasi, budaya, identiti (Synn, 2020; van Loon et al, 2020; Jungmann, 2018; Baicy, 2017), memvisualkan perasaan (Khanahmadi & Kahn, 2016), memperlihatkan sisi feminin (Lee, 2021; Pearce 2021; Abdullah, 2020; Jusoh, Sauman & Ramli, 2018; HBART, 2010), serta mewakili imej keagamaan (Liebrechts, 2021; Min, 2021; Pearce, 2021; Zilberstein et al, 2021; George, 2020; Ghezelayagh, Fooladian & Khoshmardan, 2020; Baicy, 2017; Qasim, 2013). Pernyataan ini dapat dilihat melalui kajian berkenaan sejarah representasi wanita dalam dua tamadun di dunia, iaitu tamadun purba Mesir dan China.

Menurut Achugwo dan Nigeria, (2019), representasi wanita yang digunakan adalah menggambarkan kedudukan seseorang wanita dalam keluarga serta menjelaskan status kedudukan sosial wanita. Sebagai contoh di Barat, representasi wanita mewakili dewi dan simbol keagamaan seperti “Venus of Willendorf” patung tiga dimensi (Burton, 2020) dianggap dewi simbol kesuburan (Qasim, 2013). Seterusnya seni Kristian sering menggambarkan wanita sebagai Ibu Tuhan atau orang suci seperti dalam catan oleh Duccio di Buoninsegna bertajuk “Madonna and Child” pada tahun 1283 hingga 1284 (Zilberstein et al, 2021), sehinggalah sebagai menggambarkan ekspresi dan emosi oleh Leonardo da Vinci bertajuk “Mona Lisa” pada tahun 1503 hingga 1505 (Dutta, 2021).

Akan tetapi, penggunaan representasi wanita berubah sebagai melambangkan dewi simbol kebebasan dalam senibina arca “Liberty Enlightening the World” pada tahun 1886 (Min, 2021; George, 2020). Perubahan ketara dapat dilihat sehinggalah Andy Warhol mengambil aktris popular Barat pada tahun 60an dalam karya cetaknya bertajuk “Marilyn Monroe” pada tahun 1962. Karya ini melambangkan kemasyhuran dan pengaruh selebriti ini dalam dunia seni pada ketika itu (Flatley, 2020).

Justeru, objektif kertas kajian ini ialah menentukan representasi wanita sebagai subjek utama yang lebih memfokuskan penghasilan karya seni catan di Malaysia secara kronologi. Ia merangkumi kronologi sepintas lalu pada zaman pra sejarah di Malaysia, kemudian berfokuskan kepada catan-catan yang terhasil dari tahun 1930 sehingga 2020. Pemilihan lingkungan 90 tahun dalam kajian ini merupakan skala yang besar bertujuan untuk melihat apakah ciri penggunaan wanita dalam catan sebagai subjek utama merentas zaman. Seksyen yang berikutnya menerangkan kajian literatur, metodologi, analisis dan perbincangan serta kesimpulan daripada kajian.

2. KAJIAN LITERATUR


Di Malaysia, terdapat penemuan lukisan di tiga lokasi gua sekitar Semenanjung mencatatkan figura wanita dalam pelbagai rupa dan aktiviti. Antaranya, lukisan bermotifkan ibu yang sedang mengandung ditemui di dinding Gua Badak Perak (Jusoh, Sauman & Ramli, 2018). Seterusnya, di Gua Batu Cincin Kelantan, lukisan sebuah keluarga dan lukisan imej wanita yang memakai hiasan di kepala di Gua Lembing Pahang (Jusoh, Sauman & Ramli, 2018). Dari hasil bukti penemuan lukisan di gua-gua ini, maka jelas menunjukkan bahawa representasi figura wanita di Malaysia sememangnya wujud dari zaman pra-sejarah lagi dan ianya bukanlah yang dibawa oleh penjajahan Barat semata-mata.

Kemuncak penggunaan wanita sebagai subjek dalam seni catan tempatan adalah pada sekitar penghujung tahun 1960an (Khairuddin, 2012). Nama-nama seperti Mohd. Hoessein Enas, Mazeli Mat Som, Chuah Thean Teng dan Georgette Chen adalah sinonim dengan catan yang merepresentasikan wanita. Menurut Abdul Aziz dan Bujang (2016), Hoessein Enas ialah pelukis yang melatari tema tradisi Melayu, merefleksikan faktor sosial, ekonomi, politik, falsafah, adat, peraturan serta keagamaan melebihi fizikal luaran yang dimiliki wanita. Antara contoh catan beliau adalah bertajuk “Gadis Melayu” (1959), “Minah” (1958) dan “Admonition” (1959).

Seterusnya, Mazeli Mat Som dalam karyanya bertajuk “Menanti Nelayan” (1961) yang merakam aktiviti nelayan serta memvisualkan pemakaian dan tatarias wanita tempatan (Humaini, 2020). Berbeza dengan Chuah Thean Teng yang memiliki stail tersendiri lebih gemar menghasilkan catan bertemakan Ibu dan Anak yang menegaskan kasih seorang ibu yang tiada syarat (HBART, 2010). Begitu juga dengan pelukis wanita iaitu Georgette Chen yang turut mengetengahkan ciri yang sama pada catan bertajuk “Mother and Child” (1960), yang merefleksikan hubungan ibu dan anak (Zeng, 2021).

3. METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah menggunakan kajian kualitatif. Kerangka metodologi kajian adalah seperti Rajah 1.




Rajah 1. Kerangka metodologi kajian kronologi representasi wanita dalam catan di Malaysia

Kertas ini merupakan kajian kualitatif yang mengkhususkan kepada penyelidikan deskriptif. Menurut Kim, Sefcik dan Bradway (2017), penyelidikan deskriptif mencipta data yang memberi gambaran terhadap persoalan-persoalan dari perspektif yang saubjektif. Pernyataan ini disokong oleh Doyle at al (2020) dan Ritchie at al (2013), dengan menambah, keputusan terhasil adalah mengikut penyelidikan yang dijalankan berdasarkan objektif dan konteks kajian. Data-data yang dikumpulkan adalah dari dua sumber, iaitu tinjauan literatur yang berbentuk penulisan dan visual yang berkaitan dengan kajian ini.

Tinjauan literatur dipilih bagi melihat ciri-ciri pada penggunaan wanita dalam catan-catan yang dikumpulkan. Visual yang dipilih adalah catan dari tahun 1930 sehingga 2020 dan diasingkan mengikut tahun. Tujuan pembahagian mengikut tahun ini adalah untuk memudahkan pengkaji melihat dan menyusun kronologi sepanjang tempoh tersebut selain fokus utama dalam pengumpulan data ini adalah melihat kepada ciri penggunaan wanita sebagai representasi dalam catan tempatan. Berikutnya, pengkaji membuat pengasingan kategori berdasarkan ciri representasi wanita dalam catan sepanjang tahun 2000 sehingga 2020. Pengasingan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kategori yang diwakili oleh wanita dalam catan sepanjang tahun tersebut

Bagi melihat penggunaan wanita sebagai representasi sepanjang 90 tahun dalam seni catan di Malaysia, satu kronologi yang telah disusun dalam Rajah 2.



Rajah 2. Figura wanita dalam seni catan di Malaysia dari tahun 1930 hingga 2020

Rajah 2 adalah kronologi umum representasi wanita dalam catan di Malaysia. tempoh sepuluh tahun diwakili oleh seorang pelukis sebagai ringkasan rujukan. Kronologi dimulakan dengan tahun 1930an oleh O. Don Peris dengan catan yang bertajuk “Portrait of My Wife in Wedding Dress” (Figura 1) adalah sebuah portrait isterinya dalam pakaian perkahwinan mereka (Rahim, Mokhtar, Vermol, Legino, 2021). Seterusnya catan oleh Georgette Chen bertajuk “Self Portrait” (Figura 2) pada tahun 1946 menjelaskan refleksi diri pelukis tersebut yang teguh dan kental melalui pandangannya (Ting, 2019). Diikuti catan tahun 1950 oleh Patrick Ng, iaitu “Drying Clothes” (Figura 3) melambangkan identiti wanita tempatan dan aktiviti masyarakatnya (Abdullah, 2020).

Dari sisi yang lain, mewakili tahun 1960an adalah catan dari Hoessein Enas yang memvisualkan aktiviti wanita yang turut terlibat dalam menyumbang kepada bidang ekonomi (Aziz, 2019) berjudul “Memetik Daun Tembakau di Kelantan” (Figura 4). Berbeza dengan catan oleh Chuah Thean Teng, untuk 1970an, bertajuk “Mother and Child” (Figura 5) menceritakan mengenai seorang ibu sedang melayani anaknya bermain (HBART, 2012). Sisi yang berlainan ditonjolkan oleh Chia Yun Chian melalui karyanya yang berjudul “Hospital Reception Desk” tahun 1980 (Figura 6) menunjukkan pekerjaan wanita serta emosi penduduk warga kota (Lin, 2019). Manakala Ahmad Zakii Anwar mewakili tahun 1990an dengan catan bertajuk “Blue Kebyar” pada 1998 (Figura 7) merakam gerak tari penari Legong (HBART, 2019).

Selain daripada itu, untuk tahun 2000 sehingga 2010, diwakili oleh Syed Thajudeen bertajuk “Loging for Love II” tahun 2007 (Figura 8) berkongsi emosi cinta dan rindu seorang wanita terhadap pasangannya dalam penantian (Khanahmadi, 2016). Akhir sekali, pada tahun 2011 sehingga 2020, catan bertajuk “Teribble Two” (Figura 9) oleh Fadilah Karim merupakan potret diri pelukis dalam menjalani rutin hariannya di rumah bersama anaknya (Lee, 2021). Persoalannya, bagaimanakah ciri-ciri penggunaan wanita sebagai representasi dalam kronologi catan di Malaysia dapat ditentukan?

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Merujuk kepada Rajah 1, hasil dapatan menunjukkan terdapat tujuh pecahan melibatkan representasi wanita dalam catan tempatan dari tahun 1930 sehingga 2020. Ianya adalah, potret seorang isteri (Rahim, Mokhtar, Vermol, Legino, 2021), potret diri (Ting, 2019), menjelaskan identiti budaya dan masyarakat tempatan (Abdullah, 2020; HBART, 2019) serta menunjukkan tentang aktiviti wanita (Abdullah, 2020; Aziz, 2019). Selain itu, penggunaan wanita memvisualkan karakter ibu (Lee, 2021; HBART, 2012), menjelaskan pekerjaan wanita (Lin, 2019) serta menggambarkan emosi dan ekspresi (Lin, 2019; Khanahmadi, 2016).

Melalui tujuh pecahan ciri penggunaan wanita sebagai representasi dalam catan tempatan yang telah dibuat, wanita diraikan dan berikan penghargaan oleh pelukis berdasarkan potret yang dilukis seperti penghargaan kepada isteri, golongan ibu serta diri sendiri. Ini berdasarkan catan bertajuk "Portrait of My Wife in Wedding Dress" (1933), "Self Portrait" (1946) dan "Mother & Child" (1970an). Melalui potret ini, secara tidak langsung, pelukis mengagumi sifat semulajadi yang dimiliki oleh wanita dan mempamerkan sisi feminin wanita tersebut. Wanita turut tidak ketinggalan dalam mewakili identiti budaya serta masyarakatnya. Ini jelas dibuktikan berdasarkan rupa paras fizikal mereka, pemakaian serta tatarias yang dikenakan seperti dalam karya bertajuk *Drying Clothes* (1950) dan *Blue Kebyar* (1998).

Selain daripada itu, wanita menggambarkan aktiviti mereka di rumah atau di luar rumah bersama keluarga atau bersama kenalan mereka yang dijelaskan dalam catan bertajuk *Drying Clothes* (1950), *Memetik Daun Tembakau di Kelantan* (1962) dan "Terrible Two" (2020). Aktiviti yang digambarkan adalah melakukan tugas atau rutin harian secara berkumpulan atau bersendirian sama ada di dalam rumah mahupun di luar rumah. Sisi yang lain dibawa dalam karya yang berjudul *Hospital Reception Desk* (1980), yang menunjukkan perbezaan pekerjaan wanita yang secara tidak langsung memberi mesej tersirat mengenai taraf pendidikan wanita pada ketika itu dan wanita tidak lagi menjalankan tugas sebagai suri rumah semata-mata.

Ciri yang terakhir representasi wanita adalah menggambarkan emosi dan ekspresi pada wanita. walaupun wanita memiliki ciri lemah lembut namun, ketegasan dan pendirian adalah pegangan wanita seperti yang digambarkan dalam catan "Self Portrait" (1946). Namun, berbeza dengan karya bertajuk *Logging for Love II* (2007) yang menggambarkan emosi seorang wanita yang sedang dibuai rindu yang bahagia.

Jika dilihat menerusi pengumpulan data yang telah dibuat, sepanjang tempoh 1930an sehingga 2020, catan yang diwakili wanita sebagai representasi di Malaysia adalah berkisar dalam ciri yang sama seperti mana yang telah disenaraikan di atas. Ini kerana mengikut Plato, seni merupakan pengulangan yang mencipta kepada inovasi yang baru (Azhan & Ramli, 2014; Godin 2008). Walau bagaimanapun, setiap zaman mempunyai keadaan dan ciri yang berbeza dalam pelbagai segi. Ini adalah kerana, seni merupakan sebuah refleksi mengenai masyarakat dan budaya semasa seni itu diciptakan (Collier, 2021).

Namun, terdapat pecahan lain yang dikenalpasti hasil dapatan dari pengumpulan data sepanjang tempoh kajian ini. Misalnya isu yang dibawa oleh pelukis Fawwaz mengenai masalah sosial dan hak-hak wanita di dalam karyanya (Fawwaz Sukri, Temubual Personal, 19 Mei 2022). Antara contoh-contoh catan Fawwaz Sukri adalah "Street Dreams" (2019), "Love Ties" (2018), dan "The Sinner" (2016) (Fawwaz Sukri, Temubual Personal, 19 Mei 2022).

5. KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan analisis yang telah dibuat, penggunaan figura wanita adalah sebagai salah satu subjek yang digunakan untuk menyampaikan pelbagai mesej oleh pelukis (Santosa, 2019). Penggunaan figura wanita dalam catan tempatan memberi refleksi terhadap ciri-ciri yang sama yang ada pada catan di Barat dan Asia. Ianya mencakupi estetika sifat semulajadi feminine (Lee, 2021; Rahim, Mokhtar,

Vermol, Legino, 2021; HBART, 2012) keadaan ekonomi semasa (Aziz, 2019) dan situasi sosial wanita (Lin, 2019), melambangkan identiti budaya, bangsa (Abdullah, 2020; HBART, 2019), dan emosi serta ekspresi (Lin, 2019; Khanahmadi, 2016) pada era tertentu. Pernyataan-pernyataan ini membuktikan bahawa, representasi wanita menyampaikan pelbagai situasi, karakter dan keadaan yang berlaku dalam era tertentu. Selain itu, representasi wanita turut diiktiraf sebagai aset negara melalui catan oleh Hoessein Enas bertajuk “Minah” (1958), kerana sarat identiti kebudayaan negara (Rahim, Mokhtar, Vermol, & Legino, 2021). Ini secara tidak langsung memperkukuhkan lagi representasi wanita dalam seni adalah bukan hanya untuk keindahan semata-mata, tetapi kaya dengan penyampaian mesej dari kaca mata pelukis. Bagi memperhalusi dapatan daripada kajian ini, pengkaji bercadang untuk menjalankan kajian terperinci dengan menemubual beberapa orang pelukis kontemporari di Malaysia yang sedang giat dalam penghasilan catan menggunakan wanita sebagai subjek utama. Oleh sedemikian, dapatan kajian ini dapat diperhalusi lagi dan mendapat maklumat yang tepat mengenai ciri representasi wanita dalam catan tempatan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Seni, Komputeran, dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia dan Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia

PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENULIS

Nurul Syifa @ Siti Aishah Ahmarofi, Elis Syuhaila Mokhtar, Issarezal Ismail, dan Ida Puteri Mahsan bersama-sama menyumbang untuk pengumpulan data, kajian literatur, serta penulisan manuskrip kajian.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Abd. Aziz, M. K., Bujang, R. (2016). Kritikan Seni: Suatu Tinjauan Terhadap Karya-Karya Mohamad Hoessein Enas Dan Syed Ahmad Jamal Sebagai Seni Warisan Bangsa Dan Budaya Melayu. *Jurnal Perintis Pendidikan Seni Lukis dan Seni Reka INTI FSSR*, 21 (1), 23–38.
- Abdullah, S. (2020). The 1980s as (an Attempt in) the Decolonialization of Malaysian Art. *Southeast of Now: Directions in Contemporary and Modern Art in Asia*, 4(1), 3-29.
- Achugwo, S., & Nigeria, A. (2019). A. An Analytical Narrative On Painters Evolutionary Approach to The Human Figure.
- Azhan, N.A. & Ramli, H. (2014). Keindahan Hijab Sebagai Agama Dan Budaya. *International Conference On Creative Media, Design & Technology (REKA2014)*
- Aziz, M. K. A. A. (2019). Malay Culture Identity A critique of Mohamad Hoessein Enas Art Work. *International Journal of INTI*, 23 (1). 37-43.
- Baicy, C. R. T. (2017). *Gazing Upon the Other: The Politics of Representing the Igorot in Philippine Modernism* (Doctoral dissertation, University of Hawai ‘I At Mānoa).
- Burton, A. (2020). The Correlation of Obesity and its Related Diseases in Comparison to Income in Counties in Tennessee. 4 Kevin Ung, Director of McNair Scholar’s Program, 14.

- Collier, M. (2021). Photographic Exploration of Social and Cultural Experience. In *Viewpoints* (pp. 13-32). University of Texas Press.
- DBP, "Dewan Bahasa dan Pustaka", (2017). Representasi. In PRPM volume 2.0. Retrieved May 28, 2021 from <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Doyle, L., McCabe, C., Keogh, B., Brady, A., & McCann, M. (2020). An overview of the qualitative descriptive design within nursing research. *Journal of research in nursing: JRN*, 25(5), 443-455. <https://doi.org/10.1177/1744987119880234>
- Dutta, K. (2021). The Mona Lisa-A Prototype for Multidisciplinary Science Education. *Science & Education*, 30(3), 693-716.
- Flatley, J. (2020). *Like Andy Warhol*. University of Chicago Press.
- George, A. (2020). National Myth: The Goddess Behind America's Independence Day. In *The Mythology of America's Seasonal Holidays* (pp. 135-148). Palgrave Macmillan, Cham.
- Ghezelayagh, J., Fooladian, A., & Khoshmardan, A. A. (2020). Pre-Islamic Painting in India: A Case Study of Painting Styles. *International Journal of Applied Arts Studies (IJAPAS)*, 5(2), 41-60.
- Godin, B. (2008). *Innovation: The History of a Category*.
- HBART, "Henry Butcher Art Auction", (2010, Aug 08), Art Auction Malaysia. [Katalog]. [bart.com.my/files/Art%20Auction%20Malaysia%202010%20\[e-catalogue\]%20\[encrypted\].pdf](http://bart.com.my/files/Art%20Auction%20Malaysia%202010%20[e-catalogue]%20[encrypted].pdf)
- HBART, "Henry Butcher Art Auction", (2012, May 06), Art Auction Malaysia. [Katalog]. Retrieved from [http://hbart.com.my/files/Art%20Auction%20Malaysia%20May%202012%20-%20E-Catalogue%20\(encrypted\).pdf](http://hbart.com.my/files/Art%20Auction%20Malaysia%20May%202012%20-%20E-Catalogue%20(encrypted).pdf)
- HBART, "Henry Butcher Art Auction", (2019, Nov 30), Malaysian Modern and Contemporary Art Collection. [Katalog]. Retrieved from <http://hbart.com.my/files/MSEAANOV19-web.pdf>
- Humaini, S., Ahmad, S., & Ahmad, S. (2020). Elemen budaya dalam karya seni catan Malaysia: satu tinjauan. *Ideology*, 5(1), 157-164.
- Jungmann, B. (2018). Changing Notions of "Feminine Spaces" in Chosŏn-Dynasty Korea: The Forged Image of Sin Saimdang (1504-1551). *Archives of Asian Art*, 68(1), 47-66.
- Jusoh, A., Sauman, Y., & Ramli, Z. (2018). Lukisan Gua Di Semenanjung Malaysia: Motif Dan Simbolisme Serta Kaitannya Dengan Sosiobudaya Masyarakat Setempat (Cave Paintings in Peninsular Malaysia: Motives, Symbolism and Sociocultural Relations to Local Society). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(2).
- Khairuddin, N. H (2012). *Menangkap Identiti Naratif Seni Rupa Malaysia*. RogueArt. Kuala Lumpur.
- Khanahmadi, M., & Kahn, S. M. (2016). Aesthetic Criticism of "Longing for Love" by Syed Thajudeen.
- Kim, H., Sefcik, J. S., & Bradway, C. (2017). Characteristics of qualitative descriptive studies: A systematic review. *Research in nursing & health*, 40(1), 23-42.
- Lee, E. (2021). *Fadilah Karim's Endless Decade*. Retrieved from Cendana: <https://www.cendana.com.my/library/our-library/lensa-seni/fadilah-karims-endless-decade>
- Liebrechts, T. (2021). *De receptiegeschiedenis van 'de Geboorte van Venus' van Botticelli*.
- Lin, R. (21 Mac, 2019). French-trained pioneer artist Chia Yu Chian's painterly legacy as seen through old days Kuala Lumpur. Retrieved from [thestar.com.my: https://www.thestar.com.my/lifestyle/culture/2019/03/21/kuala-lumpur-and-its-people-are-subjects-that-dominate-exhibit-on-chia-yu-chians-painterly-legacy](https://www.thestar.com.my/lifestyle/culture/2019/03/21/kuala-lumpur-and-its-people-are-subjects-that-dominate-exhibit-on-chia-yu-chians-painterly-legacy)
- Lippit, M. E. M. (2020). *Aesthetic Life: Beauty and Art in Modern Japan*. Brill
- Min, L. E. I. (2021). Beyond Visual Metaphor: A Cognitive Interaction between Metaphor and Metonymy in Filming Visual Rhetorical Image of the Statue of Liberty. *Canadian Social Science*, 17(3), 25-36.
- Pearce, C. C. (2021). *Overcoming East and West: Artistic Identity in the Making of Modern Japanese Figure Painting*.
- Qasim, E. (2013). *Female Figurines: The Milk Squirting-Venus Galaktorainoussa*
- Rahim, R. A., Mokhtar, M., Vermol, V. V., & Legino, R. (2021). Iconography Underpinning Malaysian Portrait Painting. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 6(SI5), 119-124.
- Ritchie, J., Lewis, J., Nicholls, C. M., & Ormston, R. (Eds.). (2013). *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*. sage.
- Santosa, M. H. (2019). Ideology of Feminism in The Works of Balinese Contemporary Women Visual Artists. *Editorial Board*, 8(1), 29.
- Synn, C. F. (2020). Hyperrealism in Korea in the Late 1970s. *Acta Koreana*, 23(2), 105-131.

Temubual Fawwaz Sukri, Temubual Personal, 19 Mei 2022.

Ting, K. (2019). The Singapore Story through 60 objects. A Special Issue to Commemorate Singapore Bicentennial 2019, 60.

Van Loon, A., Gambardella, A. A., Gonzalez, V., Cotte, M., De Nolf, W., Keune, K., ... & Vandivere, A. (2020). Out of the blue: Vermeer's use of ultramarine in *Girl with a Pearl Earring*. *Heritage Science*, 8(1), 1-18.

Zeng, Q. (2021). Becoming a Nanyang-Style Artist in Postwar Singapore and Malaya: Georgette Chen's Drawing and Her Construction of Asian Themes. In *Contesting Chineseness* (pp. 201-219). Springer, Singapore.

Zilberstein, G., Zilberstein, R., Zilberstein, S., & Righetti, P. G. (2021). Radial distribution of figures in Leonardo's and Renaissance paintings. *Digital Applications in Archaeology and Cultural Heritage*, 20, e00178.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar